

PERCUMA

BULETIN MBMB



EDISI 1 /
JANUARI - JUN **2023**



Setinggi-tinggi **Tahniah**

YBHG. DATUK HJ. SHADAN BIN HJ. OTHMAN

**Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
Ke-8**



Penerbitan MBMB

Jom Imbas!

ANUGERAH PENCAPAIAN
MBMB MERANGKUL
GREEN WORLD AWARD 2023

Ms

5

ACARA-ACARA DAN PROGRAM
MAJLIS ANGKAT SUMPAH YBHG.
DATUK BANDAR MBMB

Ms

12

MEDIA
LINTAS LANGSUNG RANCANGAN
SELAMAT PAGI MALAYSIA
BERSAMA YBHG. DATUK BANDAR

Ms

29



Majlis Bandaraya
Melaka Bersejarah



mbmb official



@MBMBOfficial



mb_melakabersejarah



MBMB Official



www.mbmb.gov.my



013-302 9700
(Aduan)

ISI KANDUNGAN

ANUGERAH PENCAPAIAN	Ms 03	-	05
DIARI MBMB	Ms 06	-	11
ACARA-ACARA DAN PROGRAM	Ms 12	-	23
KOMUNITI	Ms 24	-	27
MEDIA	Ms 28	-	29
MBMB CAKNA	Ms 30	-	37
KURSUS/LATIHAN/BENGGEL	Ms 38	-	39
PERSATUAN / KELAB MBMB	Ms 40	-	42
SEKALUNG BUDI	Ms 43		



**JANGAN KATAKAN ESOK
APABILA HARI INI ANDA
DAPAT LAKUKAN KERANA
APABILA HARI INI ANDA
BERDALIH, ANDA JUGA
AKAN BERDALIH ESOK**

SIDANG REDAKSI

BULETIN MBMB EDISI 1 / JANUARI - JUN 2023

PENASIHAT : YBhg. Datuk Hj. Shadan Bin Hj. Othman (Datuk Bandar MBMB)

PENGERUSI : YBrs. Tn. Azahar bin Mohamed (Setiausaha Bandaraya MBMB)

KETUA PENGARANG : Pn. Norfadzlina binti Mohammad Sharif (Pengarah Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti)

PENGARANG : Pn. Syafrina binti Mohd Yusop (Penolong Pengarah Kanan Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti)

PEN. PENGARANG : Pn. Suhaida binti Hj. Razab (Penolong Pegawai Tadbir)

JURUFOTO : En. Muhammad Syaiful bin Md Nasir, Pn. Nor Adila binti Amzah

EDITOR OLEH : Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Graha Makmur, No.1, Jalan Tun Abdul Razak-Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hakcipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang Maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti.

REKABENTUK & CETAKAN OLEH : Melaka Hari Ini Sdn Bhd



majlis.bandaraya.melaka



Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

ASEAN TOURISM AWARDING CEREMONY 2023



5.2.2023

Tahniah MBMB diatas Penganugerahan Asean Tourism Award bagi kategori 'Public Toilet Standard' dan 'ASEAN Community Based Tourism Standard 2023-2025 di Yogyakarta, Indonesia.

Bagi kategori 'Public Toilet Standard' untuk Tandas Stesen Minyak Petron Krubong dan 'ASEAN Community Based Tourism Standard 2023-2025 untuk Jawatankuasa Jonker Walk Melaka.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang turut hadir menyempurnakan majlis penyampaian hadiah untuk pemenang-pemenang negara Malaysia dan telah diterima oleh Encik Khairul Anam bin Mokhtar, Pegawai Kesihatan Persekitaran, MBMB mewakili YBhg Datuk Bandar, MBMB. Turut hadir Mr. Roger Tan Wei Jian, wakil Jawatankuasa Jonker Walk, Melaka.

KUMPULAN KIK MBMB BERJAYA KE PERINGKAT AKHIR PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0

5.2.2023

Sekitar Majlis Pengumuman Pemenang Pertandingan Inovasi MALA 2.0 Piala YB Menteri KPKT 2022-2023 Bertempat di Dewan Kristal, KPKT, Putrajaya. Hadir sama Tuan Ir. Mansor bin Mohamad, Pengarah Kejuruteraan MBMB dan Puan Nurhayati binti Ismail, Pengarah Perundangan dan Penguatkuasaan MBMB.

Dua buah Kumpulan KIK MBMB iaitu Cool Unit (Tempat Ke-12) dengan projek Tali Amaran Pintar dan TMET dengan projek Sistem Pintar Kawalan Trafik (Tempat Ke-16) telah berjaya ke peringkat akhir dan membawa pulang jumlah geran bernilai RM30,000.00 setiap satu dan wang tunai RM500.00 beserta Sijil Penghargaan.



MBMB RANGKUL 2 ANUGERAH DIAMOND DI MAJLIS ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2022



20.2.2023 Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2022 yang telah disempurnakan oleh YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah diadakan di Mardhiyyah Hotel and Suites, Shah Alam anjuran Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC).

Tahniah diucapkan kepada seluruh warga MBMB diatas pengiktirafan DIAMOND bagi Kategori Zon iaitu Melaka Low Carbon City (MLCC - Bukit Peringgit) dan Kategori Rakan Kongsi iaitu Kompleks Graha Makmur, MBMB.

Untuk makluman MBMB telah mengambil bahagian dalam melaksanakan inisiatif bandar rendah karbon di kawasan pentadbiran MBMB bagi menyahut cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 ataupun singkatannya LCC2030 Challenge. Anugerah ini juga bertujuan mentransformasi bandar Melaka ke arah bandar rendah karbon menjelang tahun 2030.

Hadiah telah disampaikan oleh YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan diterima oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Turut hadir menyaksikan malam yang penuh berbahagia ini adalah YB Datuk Hj. Zaidi bin Hj. Attan, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka.

KUMPULAN KIK MBMB TELAH BERJAYA MENDAPAT PENGIKTIRAFAN 3 EMAS ANJURAN QKM

21.3.23 TAHNIAH diucapkan kepada dua buah kumpulan KIK MBMB yang telah berjaya mendapat pengiktirafan tiga (3) emas anjuran QKM Consultant sempena Konvensyen ICC/KIK Malaysia 2022 anjuran QKM Consultant (Leading Service Provider in Quality and Knowledge Management - "Road To Beijing"

Kedua-dua buah kumpulan ini iaitu Kumpulan Innovation Of Tomorrow (I.O.T) dengan Projek Sistem Pengurusan Acara Elektronik (SPACE) dan Kumpulan Cool Unit dengan Projek Tali Amaran Pintar MBMB (T.A.P) telah berjaya mendapat 3 emas dan melayakkan diri ke pusingan akhir di Beijing, China yang dijangka berlangsung akhir tahun ini. Tahniah diucapkan kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) MBMB yang telah berjaya dan semoga budaya berinovasi terus dipupuk bagi tujuan penyampaian perkhidmatan yang efektif dan berdaya saing.



MBMB MERANGKUL GREEN WORLD AWARD 2023



3.5.2023

Setinggi-tinggi tahniah kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di atas kejayaan merangkul Green World Award 2023 bagi Environmental Improvement Carbon Reduction in Government - Global Gold Winner 2023 for Melaka Low Carbon City (MLCC) dan Sustainable Development in Government - Global Silver Winner for Melaka Historic City Council Malaysia.

Penganugerahan di peringkat antarabangsa ini membuktikan usaha MBMB dalam menerapkan konsep bandar rendah karbon kini mula berhasil. MBMB berjaya membangun sebagai sebuah bandaraya yang mampan dan lestari buat seluruh warga bandaraya.

JOHAN ANUGERAH KHAS JURI BAGI KLUSTER INOVATIF DAN KREATIF DI BAWAH PROJEK SISTEM PINTAR KAWALAN TRAFIK MBMB (SPIKTRA-M)



12.5.2023

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah dianugerahkan Johan Anugerah Khas Juri bagi Kluster Inovatif dan Kreatif di bawah projek Sistem Pintar Kawalan Trafik MBMB (SPIKTRA-M) pada Majlis Anugerah Projek/Program Terbaik Dan Anugerah Kajian Penilaian Outcome Terbaik Negeri Melaka Tahun 2022 telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh bertempat di Hotel Hatten, Melaka. Datuk Bandar, Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman telah menerima anugerah tersebut daripada YAB Ketua Menteri Melaka dan disaksikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Wira Zaidi bin Johari. MBMB telah menerima *mock cheque* dan wang tunai berjumlah RM1,000.00.

Hadir sama Ir. Mansor bin Mohammad, Pengarah Kejuruteraan MBMB, Pegawai Kanan dan ahli-ahli kumpulan liik tersebut.

Syabas diucapkan!



LAWATAN KERJA JABATAN KERJA RAYA NEGERI KEDAH

2.2.2023

Seramai 10 orang delegasi daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah diketuai oleh YBrs. Tn. Ir. Ts. Abdul Mueez bin Abdullah, Jurutera Elektrik kanan, Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah dan telah disambut oleh Pn. Norfadlina binti Mohni, Timbalan Pengarah Kejuruteraan (Infrastruktur) mewakili Pengarah Kejuruteraan MBMB.

Antara intipati lawatan tersebut adalah untuk berkongsi pendapat dan bertukar pandangan dalam pelaksanaan teknologi baharu Sistem Pintar Kawalan Trafik (SPiKTRA-M) yang telah diperkenalkan oleh MBMB. Hadir sama rakan teknologi MBMB, MRL Sdn. Bhd. Taklimat telah disampaikan oleh Tn. Ir. Ts. Harmidi bin Ali Jurutera Awam (Pengurusan Lalulintas) dari Jabatan Kejuruteraan MBMB.

Semoga perkongsian ini dapat mencapai hasrat dan matlamat JKR Kedah selain bertukar pandangan dan amalan baik yang boleh digunapakai di agensi masing-masing.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)

2.2.2023

Sekitar lawatan sambil belajar Institut Penilaian Negara (INSPEN) yang dihadiri 35 orang delegasi diketuai oleh Puan Hj. Faridah binti Abdul Rahman, Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar. Taklimat telah diberikan oleh Tuan Sr. Hj. Mohd Nasir bin Bakri, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBMB tentang fungsi dan tanggungjawab Jabatan Penilaian Harta dari sudut Pihak Berkuasa Tempatan.

Semoga lawatan sambil belajar yang diadakan ini mencapai matlamat dan hubungan baik dapat diteruskan dimasa-masa akan datang.



LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

14.2.2023

Lawatan Penanda Aras Majlis Perbandaran Batu Pahat ke MBMB melibatkan kehadiran seramai 29 orang delegasi yang diketuai oleh YBrs. Tuan Ezahar bin Abu Sairin, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Delegasi telah disambut mesra oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB diringi YBrs. Tuan Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya. Lawatan ini bertujuan untuk mengetahui Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dipraktikkan di MBMB.

Semoga lawatan penanda aras MPBP ini mencapai matlamat dan hubungan baik ini dapat diteruskan dimasa-masa akan datang.



LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG, JOHOR



27.2.2023

Sekitar Lawatan Penanda Aras Majlis Perbandaran Pengerang, Johor ke Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah melibatkan seramai 8 orang delegasi diketuai oleh Puan Norzahratul binti Nordin, Ketua Bahagian Kesihatan Persekitaran Majlis Perbandaran Pengerang. Delegasi telah disambut oleh Puan Norzilah binti Saleh, Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran MBMB diiringi Encik Noor Azran bin Nordin, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan MBMB.

Tujuan lawatan ini adalah untuk berkongsi pandangan mengenai unit kawalan pencegahan anjing dan kucing di kawasan pentadbiran MBMB. Selain itu, pihak delegasi turut melawat tapak kandang penempatan kucing dan anjing bertempat di Kompleks Logistik MBMB, Batu Berendam Melaka.

LAWATAN KERJA PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS



18.1.2023

Seramai 9 orang delegasi, diketuai oleh Encik Abdul Aziz bin Ahmad Penolong Setiausaha Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis yang disambut oleh En Khairul Anam bin Mokhtar, Pegawai Kesihatan Persekutaran, MBMB.

Tujuan lawatan ini untuk berkongsi pendapat dan

pendedahan mengenai Smart City, Pengurusan Penjaja kecil dan Pengurusan Sisa Pepejal

Semoga perkongsian ini dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak dan bertukar pandangan tentang amalan baik yang boleh digunapakai di tempat masing-masing.

LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA



1.3.2023

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan lawatan penanda aras ke MBMB. Seramai 14 orang delegasi yang menyertai lawatan diketuai oleh YBrs. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, Pengarah Penguatkuasaan MBPJ, yang disambut mesra oleh Encik Mohd Irwan bin Samad, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MBMB. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan Pelaksanaan dan Pengurusan Kenderaan Berat.

LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN



1.3.2023

Seramai 22 orang delegasi yang diketuai oleh YBrs. Tuan Mohd Ezzuddin bin Sanusi Yang DiPertua Majlis Perbandaran Pontian disambut mesra oleh Tuan Hj. Moahzam bin Asari, Pengarah Jabatan Landskap MBMB.

Lawatan ini bertujuan untuk mengetahui kaedah pengurusan tandas dan pengurusan landskap di dalam kawasan pentadbiran MBMB.

LAWATAN KERJA JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG



16.3.2023

Seramai 9 orang delegasi daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang diketuai oleh YBrs. Puan Normadiyah binti Desa Timbalan Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta MBPP telah mengadakan lawatan kerja ke MBMB bagi tujuan untuk mengetahui prosedur penerimaan sijil layak menduduki (Borang F) bagi tujuan penetapan cukai taksiran, penilaian

bagi maksud caj pemajuan dan penilaian bagi pencawang telekomunikasi yang dipraktis di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

Para peserta lawatan disambut oleh Yuan Sr. Hj. Mohd Nasir bin Bakri, Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta MBMB. Semoga jalinan kerjasama antara kedua-dua PBT ini akan berterusan.



LAWATAN KERJA DARI XU ZHOU CITY, CHINA



27.4.2023

Xu Zhou City, China telah mengadakan lawatan kerja ke MBMB. Seramai 14 orang delegasi yang diketuai oleh Madam. Gong Weifang, Vice Mayor, Xu Zhou Municipal People's Government, Jiangsu Province, China yang disambut mesra oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB dan diiringi YBrs. Tuan

Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya.

Lawatan ini bertujuan untuk menambah pengetahuan mengenai pentadbiran MBMB di samping dapat menjalin hubungan baik antara dua negara ini. Semoga lawatan ini mencapai matlamat dan hubungan baik yang terbina dapat diteruskan pada masa akan datang.



MBMB MENGADAKAN LAWATAN KERJA KE MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Kajang yang diketuai oleh Pengarah Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan MBMB, En. Hafiz bin Hj. Hasan bersama-sama pegawai-pegawai Kanan dan anggota MBMB.

Taklimat telah disampaikan oleh En. Mohammad Izuddin bin Ramli, Pengarah Pelesenan MPKj mengenai Aktiviti Perniagaan Tanpa Kelulusan (APTK). Semoga perkongsian ilmu dapat memberi manfaat kepada anggota MBMB.

LAWATAN TIDAK RASMI YAB KETUA MENTERI MELAKA KE MBMB



19.5.2023

Lawatan tidak rasmi YAB Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh ke sekitar kawasan pejabat MBMB.

Beliau telah disambut oleh YBhg. Datuk Bandar MBMB, Datuk Hj. Shadan bin Othman dan pegawai-pegawai kanan MBMB.

Antara agenda lawatan YAB Ketua Menteri adalah bagi melihat suasana kaunter khidmat pelanggan dan prestasi layanan pegawai di kaunter-kaunter utama jabatan.

Terima kasih di atas keprihatinan Datuk Seri! 'Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat'

KUNJUNG HORMAT PENERUSI SUWON CONVENTION CENTER, KOREA SELATAN



23.5.2023

Pengerusi Suwon Convention Center, Korea Selatan, Mr. Pil Geun Lee telah mengadakan lawatan kunjung hormat ke pejabat YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Othman, Datuk Bandar MBMB.

Seramai lima (5) orang delegasi turut serta dalam sesi kunjung hormat ini. T turut hadir YBrs. Tuan Azahar bin Mohamed, Setiausaha Bandaraya.

Antara perkara yang dibincangkan adalah penandaaras amalan-amalan terbaik kedua-dua agensi.



MAJLIS ANGKAT SUMPAAH YBHG. DATUK BANDAR MBMB



Sekitar Majlis Angkat Sumpah YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj Othman, Datuk Bandar MBMB dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Negeri Melaka. Lafaz ikrar perkhidmatan telah diketuai oleh YBhg. Datuk Bandar diikuti oleh Yang DiPertua Majlis Perbandaran Negeri Melaka yang telah dilantik dan dizahirkan di hadapan YAB Datuk Seri Utama Hj. Sulaiman bin Md. Ali, Ketua Menteri Melaka. Setinggi Tahniah kepada YBhg Datuk Bandar serta Yang Dipertua yang telah dilantik dan Selamat menjalankan tugas!

12.2023



MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN YBHG. DATUK HJ. SHADAN BIN HJ. OTHMAN, SEBAGAI DATUK BANDAR KE - 8 MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

3.2.2023

Mengalu-alukan kedatangan YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, sebagai Datuk Bandar Ke - 8 Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah yang baharu berkuatkuasa 1 Februari 2023 bersamaan 10 Rejab 1444H. Ketibaan YBhg. Datuk Bandar telah disambut oleh Ketua-ketua Jabatan, Ketua-Ketua Unit dan wakil Kesatuan Sekerja MBMB.

YBhg. Datuk. telah membuat imbasan 'Face Recognition' sebagai simbolik memulakan tugas di MBMB serta mengadakan perbincangan bersama pengurusan tertinggi MBMB.

Didoakan semoga YBhg. Datuk Bandar akan dapat memacu tabdir urus serta sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada warga bandaraya dalam tempoh perkhidmatan beliau. Selamat menjalankan tugas!



LAFAZ IKRAR YBRS TUAN AZAHAR BIN MOHAMED, SETIAUSAHA BANDARAYA, MBMB

6.2.2023

YBrs. Tuan Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya MBMB telah melaksanakan lafaz Ikrar Akujanji Perkhidmatan di hadapan YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Othman, Datuk Bandar MBMB diiringi Pn. Hjh. Siti Fariza binti Salim, Pengarah

Pengurusan dan Sumber Manusia MBMB. Selamat Kembali Bertugas buat Tuan Setiausaha Bandaraya dan semoga MBMB terus memacu perkhidmatan bandaraya yang efisien dan responsif.



PROGRAM TRANSFORMASI PASAR MALAM

7.2.2023

Dua buah pasar malam di dalam pentadbiran MBMB telah terpilih untuk Program Transformasi Pasar Malam (PTPM) di Bandaraya Melaka iaitu Pasar Malam Duyong dan Pasar Malam Semabok melalui peruntukan PTPM yang telah disalurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

YB Tuan Mohd Helmy bin Abdul Halem ADUN Duyong diiringi YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB telah merasmikan tapak Pasar Malam Duyong yang akan memanfaatkan seramai 120 orang peniaga pasar malam. Para peniaga telah diberikan topi, apron, dan alas meja selain khemah pasar malam yang seragam. Hadir sama YBrs. Tuan Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya, Ketua-ketua Jabatan, pegawai kanan dan wakil pemimpin setempat.



PERHIMPUNAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH MBMB BIL.2/2023

22.2.2023

Sekitar Perhimpunan Pentadbiran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah MBMB Bil.2/2023 yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Hj Zaidi Bin Atan, Exco Perumahan Kerajaan Tempatan Alam Sekitar. Kehadiran YB Exco disambut mesra oleh YBhg Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka bersama YBrs. Clr. Abd Razak Bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB, Ahli-Ahli Majlis dan YBrs. Tuan Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya.

Di dalam majlis tersebut YB Exco telah memberi amanat kepada MBMB berkaitan Perancangan Pelan Strategik Melaka Maju 2035, Tahun Melawat Melaka 2024 dan menjadikan semula Melaka sebagai negeri terbersih. Pada masa yang sama YB Exco telah menyampaikan Anugerah MIP Planning Excellence Award (MIPPEA) 2022, Anugerah Asean Tourism Award Bagi Kategori "Public Toilet Standard"

dan Asean Community based Tourism Standard 2023-2025, Anugerah Rendah Karbon 2030 (LCC) 2030 Challenge, Anugerah Green Awards 2023 For Environment Best Practice Bagi Projek (Smart And Sustainable Mobility System In Melaka Heritage City).



MAJLIS MINUM PETANG MERAIKAN ANGGOTA MBMB PRIHATIN

22.2.2023

Sekitar Majlis Minum Petang meraikan anggota MBMB yang telah ditularkan oleh netizen atas keprihatinan dan kecekapan semasa menjalankan tugas di lapangan.

Mereka ini adalah antara barisan hadapan MBMB yang telah menunjukkan imej yang mulia dalam menghulurkan bantuan yang memerlukan kepada

warga bandaraya. Tahniah diucapkan buat Saudara Mohd Firdaus bin Mamat, Pembantu Penguatkuasa Kanan, Saudara Nadarajan a/I Mohan, Pembantu Penguatkuasa dan Saudara Abdul Muhaimin bin Saidin, Pemandu. Semoga amalan mulia ini menjadi contoh kepada anggota MBMB yang lain.



MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PENGANJUR BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI TAHUN 2023



3.3.2023

Saban tahun, apabila bermulanya ramadan dan sambutan syawal, MBMB telah menyediakan tapak bagi jualan bazar ramadan dan bazar aidilfitri. Pada tahun ini, sebanyak 26 lokasi penganjuran dan 677 tapak Bazar Aidilfitri melibatkan 7 lokasi dalam kawasan pentadbiran MBMB pada tahun ini. Majlis penyerahan surat tawaran kepada semua penganjur bazar ramadan dan aidilfitri diserikan dengan kehadiran YBhg Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman Datuk Bandar MBMB diringi Encik Ab. Razak bin Abu Ketua Ahli Majlis MBMB, turut hadir YBrs Tuan Azahar bin Hj. Mohamed Setiausaha Bandaraya dan Encik Hafiz bin Hj. Hasan, Pengarah Pelesenan dan Pembangunan Peniagaan MBMB, serta Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA DIHOSKAN OLEH MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH



10.3.2023

Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka yang dihoskan oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Hj. Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka diiringi YB Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB Datuk Hj. Zaidi bin Attan, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka, YB Datuk Abdul Razak bin Abdul Rahman, Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Melaka, YB Datuk Abd Aziz bin Engan; Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka, YB Datuk Salihah binti Salleh Pegawai Kewangan Negeri Melaka, Barisan Exco Kerajaan Negeri, Yang Berhormat ADUN-ADUN, Sahibus Fadilah Tuan Hj. Hazarudin bin Hj. Baharudin, Timbalan Mufti Kerajaan Negeri

Melaka, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

YAB Ketua Menteri Melaka dalam ucapannya telah menekankan pemerkasaan peranan PBT itu sendiri agar penyampaian perkhidmatan yang diberikan adalah di tahap optimum memandangkan rakyat Negeri Melaka merupakan pemegang taruh yang terbesar. Pihak PBT perlu melaksanakan peranan yang lebih besar dalam menyediakan kualiti perkhidmatan perbandaran yang terbaik dalam lokaliti masing-masing. PBT sewajarnya menjadi sebuah organisasi yang berdaya saing dan mampu mentadbir kawasan pentadbirannya dengan baik.



ACARA-ACARA DAN PROGRAM

PROGRAM MELAKA CITY FUN RUN & RIDE 2.0



11.3.2023

Program Melaka City Fun Run dan Ride 2.0, melibatkan 753 penyertaan untuk Fun Run dan 417 untuk Fun Ride menjadikan jumlah keseluruhan seramai 1170 peserta bagi program ini yang diadakan di Dataran Memorial Pengisytiharaan Kemerdekaan, Bandar Hilir, Melaka.

Bagi kategori Fun Run larian adalah sejauh 5 KM, manakala Fun Ride adalah sejauh 35 KM. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Hj. Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka diringi YB Tuan VP

Shanmugam, Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB sebagai penganjur program ini.

Cabutan bertuah berjumlah RM20,000.00 turut diadakan bagi memeriahkan program pada kali ini.

MBMB turut merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada agensi-agensi yang turut bekerjasama bagi menjayakan program Fun Run & Ride 2.0 ini.



PROGRAM FIESTA E-SPORT MBMB 2023

18.3.2023

Program Fiesta e-SPORT MBMB 2023 sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-20 (2 Dekad) Bandaraya Melaka Bersejarah 2023 telah diadakan mulai 18-19 Mac 2023 bertempat di Dewan Taming Sari MBMB. Seramai 64 pasukan dengan penglibatan seramai 384 peserta telah menyertai kejohanan 'Mobile Legend Bang Bang' dan 32 peserta kategori Individu bagi Kejohanan 'Fifa World Club' 2023.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2023



20.3.2023

Sekitar Majlis Anugerah Perkhidmatan Awam Negeri Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2023. Majlis telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri diiringi YB Datuk Wira Zaidi bin Johari Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Turut hadir YBhg. Datuk Hj Shadan bin Hj. Othman Datuk Bandar MBMB, Seramai 90 orang pegawai dan anggota terdiri daripada 6 orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 53 orang anggota dari Kumpulan Sokongan 1 dan 31 orang anggota dari Kumpulan Sokongan 2, telah terpilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2022.

Semoga dengan pengiktirafan ini akan menyuntik semangat, mencetus inspirasi dan seterusnya menjadi suri teladan kepada semua warga MBMB dalam membentuk ekosistem pekerjaan yang cemerlang.



PENGEDARAN AIR BALANG KAW KAW PADU DAN BUBUR NONG

2.4.2023

Sempena bulan Ramadan yang barakah, MBMB turut mengambil peluang untuk mendapat keberkatan dengan mengedarkan air balang dan bubur lambuk secara percuma kepada warga bandaraya mulai 1 April 2023 hingga 16 April 2023. Pengedaran Air Balang Kaw Kaw Padu secara percuma kepada warga bandaraya diadakan di Dataran Bandaraya manakala pengedaran Bubur Nong adalah disekitar kawasan pentadbiran MBMB.



MAJLIS TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN MBMB



10.4.2023

Sempena Nuzul Al-Quran di Bulan Ramadan Al-Mubarak dan Sambutan Ulangtahun ke-20 (2 dekad) Bandaraya Melaka Bersejarah telah mengadakan Program Tadarus & Khatam Al-Quran bertempat di Dewan Taming Sari, MBMB. majlis disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman Datuk Bandar MBMB diiringi Tuan Clr. Abd Razak bin Abu Ketua Ahli

Majlis MBMB.

Majlis Ini juga dipimpin oleh Tuan Hj. Abdul Rashid bin Abdul Rahman, Imam Masjid Fathrul Rahman Pengkalan Rama.

Turut hadir Ahli - ahli Majlis MBMB, YBrs Tuan Azahar bin Hj.Mohamed, Setiausaha Bandaraya, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai kanan dan anggota MBMB.



MAJLIS KESYUKURAN & BACAAN YASIN PERDANA MBMB



13.4.2023

Majlis Kesyukuran Dan Bacaan Yassin Perdana Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-20 (2Dekad) Bandaraya Melaka Bersejarah telah diadakan di Masjid Al- Ehsan Bukit Baru, Majlis ini diadakan bagi memanjatkan kesyukuran dan memohon kesejahteraan untuk seluruh warga Bandaraya Melaka Bersejarah.

Sambutan pada tahun ini begitu bermakna kepada Majlis Bandaraya kerana sambutan kali ini pada bulan mulia Ramadan al-Mubarak. Justeru itu majlis terbuka puasa dan solat sunat terawih telah diadakan bagi memberkati lagi majlis sambutan Ulang Tahun Ke-20 Bandaraya Melaka Bersejarah.

Majlis ini turut diserikan lagi dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka dan YABhg. Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Ab Rahman, YB Datuk Wira Zaidi

bin Johari Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB Datuk Rahmad Mariman Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB dan isteri serta dif-dif kehormat daripada kepimpinan tertinggi negeri Melaka.

Majlis bacaan yasin telah dipimpin oleh Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil, Mufti Kerajaan Negeri Melaka manakala solat tarawih telah dipimpin oleh Imam Masjid Al-Ehsan Bukit Baru

Sumbangan wang tunai telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam kepada 76 orang pelajar tahfiz daripada Darul Ulum Al-Islamiyyah, Balai Panjang dan Pondok Darul Ulum Al-Arabiyyah Al Islamiyyah, Pulau Gadong serta sumbangan sebanyak RM3,000.00 turut disumbangkan kepada masjid berkenaan.



MAJLIS IFTAR SANTAI BERSAMA YAB KETUA MENTERI MELAKA



14.4.2023

MBMB telah mengadakan Majlis Iftar Santai bersama YAB Datuk Seri Ab. Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Majlis yang julung kali diadakan ini telah menarik ramai pengunjung dan orang awam untuk hadir berbuka puasa di Dataran Bandaraya MBMB. Antara juadah berbuka yang disediakan adalah nasi tomato, roti john, air balang, waffle, keropok lekor dan banyak lagi. Dianggarkan seramai 1000 orang telah menghadiri majlis iftar santai ini.

Turut hadir YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman Datuk Bandar MBMB, YB Datuk Wira Zaidi bin Johari Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB Datuk Wira Ibrahim bin Durum Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, YB Datuk Abdul

Razak bin Abdul Rahman EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya, YB Tuan Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem Timbalan Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital, YB Tuan Low Chee Leong Timbalan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YBrs Tuan Azahar bin Hj. Mohamed Setiausaha Bandaraya Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan, Anggota MBMB dan Orang Awam.

Pada masa yang sama YAB Ketua Menteri telah menyampai duit raya kepada kanak-kanak dan bunga api kepada pengunjung yang hadir. Terima kasih kepada semua yang telah menjayakan Majlis Iftar Santai ini.



11TH WALK FOR AUTISM



7.5.2023

Persatuan Kanner Negeri Melaka telah menganjurkan 11th Walk For Autism yang diadakan bertempat di Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Banda Hilir dan disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman , Datuk Bandar MBMB diiringi Clr Ts. Kon Qi Yao dan Clr. Encik Lim Chen Hong selaku Ahli Majlis Kawasan.

Turut hadir YB Tuan Mohd Nor Helmy bin Abdul Halem , Adun Duyong, YB Tuan Kerk Chee Yee , Adun Ayer Keroh dan YB Tuan Seah Soo Chin, Adun Kesidang.

Program 11th Walk For Autism ini bermula dari Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan dan berakhir di hadapan pintu gerbang Jonker Walk. Tahniah diucapkan kepada semua yang telah menyertai program ini.

ACARA-ACARA DAN PROGRAM

PENYERAHAN E-SCOOTER KEPADA PEGAWAI PENGUATKUASA DAN PENGAWAL KESELAMATAN MBMB

11.5.2023

Satu sesi penyerahan E-Scooter kepada pegawai penguatkuasa dan pengawal keselamatan MBMB telah diadakan di Dataran Bandaraya, MBMB. Penggunaan skuter elektrik ini adalah di bawah program rendah karbon dan mikromobiliti MBMB. E-scooter ini adalah bagi kegunaan anggota yang melakukan rondaan di dalam kawasan bangunan pejabat MBMB serta rondaan di sepanjang Sungai Melaka.

Kenderaan mikromobiliti aktif ini telah diperkenalkan melalui projek perintis Global Future Cities Programme yang telah dilaksanakan pada Ogos 2022. Program ini merupakan Pelan Tindakan Jangka Masa Sederhana kepada pelaksanaan program Car Free Zone MBMB.

Sebanyak lima (5) buah scooter telah diserahkan kepada pegawai yang terlibat dan sesi ujipandu E-scooter oleh pegawai selepas sesi penyerahan telah dijalankan. Sesi penyerahan tersebut telah di sempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB diiringi YBrs. Tuan Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya.

Turut hadir Ketua-Ketua Jabatan Dan Pegawai-pegawai Kanan serta anggota MBMB.



MAJLIS RIANG RIA AIDILFITRI PERINGKAT MBMB



15.5.2023

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat MBMB telah diadakan di Dewan Taming Sari MBMB dan disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka diiringi oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB.

Turut hadir YB Datuk Wira Ibrahim bin Durum, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, YB Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB Datuk Hj. Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana, YB Datuk

Abdul Razak bin Abd Rahman, EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya, YB Tuan Ngwe Hee Sem EXCO Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan, YB Tuan Zulkifli bin Datuk Seri Mohd Zin, Timbalan EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana serta Timbalan EXCO Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan YB Tuan Low Chee Leong.

Selain itu, turut hadir ialah YBhg. Datuk Yusof bin Jantan, mantan Datuk Bandar MBMB, Ketua-Ketua Agensi, pesara-pesara MBMB, Pegawai-pegawai Kanan MBMB serta anggota-anggota MBMB.

PROGRAM WALKABOUT DATUK BANDAR KE SEMABOK

4.2.2023

Sekitar Program Walkabout YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Othman, Datuk Bandar bersama pemimpin setempat dalam kawasan pentadbiran MBMB. Turut hadir YBrs. Clr. Abd Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB, Ahli-ahli Majlis Kawasan, YBrs. Tuan Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya MBMB diiringi Ketua-ketua Jabatan MBMB dan Pegawai Kanan MBMB.

Program walkabout hari ini menumpukan isu semasa antaranya penempatan etnik Rohingya di Semabok, isu kemalangan di penempatan gerai Klebang dan isu penggunaan tempat di Dataran Klebang.

YBhg. Datuk Bandar turut mengambil peluang untuk menyantuni para peniaga dan orang awam yang berada di kawasan sekitar.



PROGRAM WALKABOUT DATUK BANDAR KE PANTAI PUTERI

5.2.2023

Sekitar Program Walkabout YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Othman, Datuk Bandar bersama pemimpin setempat dalam kawasan pentadbiran MBMB di Pantai Puteri. Turut hadir YBrs. Clr. Mohamad Bin Ab Rahman Ahli Majlis Kawasan dan Setiausaha Japerun En Ab Dullah Bakar mewakili YB ADUN diiringi Ketua-ketua Jabatan MBMB dan Pegawai Kanan MBMB serta wakil konsesi pembersihan

SWCorp.

Program walkabout hari ini menumpukan isu semasa antaranya isu pembakaran terbuka, isu penjaja dan isu kebersihan kawasan rekreasi di kawasan sekitar.

YBhg. Datuk Bandar turut mengambil peluang untuk menyantuni para peniaga dan orang awam yang berada di kawasan sekitar.



PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL (CSR) MBMB BERSAMA 180 ORANG BARISAN EKSEKUTIF DARI CAWANGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) SELURUH MALAYSIA



10.2.2023

Sekitar Program Tanggungjawab Sosial (CSR) MBMB bersama 180 orang Barisan Eksekutif dari cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) seluruh Malaysia diketuai oleh Naib Canselor YBhg. Professor Datuk Ts. Hajah Roziah binti Mohd Janor melibatkan kerja-kerja pembersihan kawasan di sekitar Sungai Melaka. Hadir sama Pengarah Pengurusan Korporat dan Komuniti MBMB, Puan Norfadzlina binti Mohamad Sharif dan wakil syarikat konsesi pembersihan SWCorp.



MAJLIS RAMAH MESRA PUSPANITA DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL) BERSAMA MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (MBMB)



18.2.2023

Majlis Ramah Mesra PUSPANITA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah diadakan bertempat di Baba House Melaka, Jalan Tun Tan Cheng Lock, Melaka.

Seramai 20 orang delegasi PUSPANITA DBKL telah mengadakan lawatan di Bandaraya Melaka yang diketuai oleh YBhg. Datin Seri Aizan binti Ja'afar, Isteri kepada YBhg. Datuk Seri Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur merangkap Pengerusi PUSPANITA DBKL dan telah disambut mesra oleh YBhg. Datin Suriyati binti Yaapar, Isteri kepada YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Turut hadir menyerikan majlis YBhg. Datuk TPr. Dahlia binti Abdul Ghani, isteri kepada YBrs. Tuan Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya diiringi wanita PUSPANITA MBMB.

“Sayang kumbang mencari makan,
Terbang seiring di tepi kali;
Selamat datang ke Melaka kami ucapkan,
Moga diiring restu Ilahi”

Pertemuan empat mata selama lebih 2 jam di antara PUSPANITA DBKL dan MBMB itu berhasrat agar seluruh ahli PUSPANITA dapat menjalinkan hubungan bersinergi yang baik, meningkatkan kecemerlangan dalam apa jua penglibatan samada di peringkat negeri, penganjuran program dan aktiviti yang dilaksanakan bagi memastikan kecemerlangan yang berterusan.

Terima kasih kerana memilih Bandaraya Melaka Bersejarah dan MBMB sebagai destinasi lawatan!

KOMUNITI

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BERSAMA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN KAMPUS MACHANG (UITM)



24.2.2023

Sekitar Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah bersama Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan Kampus Machang (UITM) Kelantan melibatkan seramai 19 orang mahasiswa/siswi diketuai oleh Cik Nur Aintul Mardiah Binti Mat Nawi Pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM merangkap Penasihat Society of Information System Management.

Sebelum aktiviti gotong-royong bermula, taklimat

pembersihan telah disampaikan oleh PPKP Mohd Imran bin Mohd Rasid, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kesihatan Persekitaran MBMB.

Kerja-kerja pembersihan dan aktiviti gotong-royong telah diadakan di sekitar kawasan pelancongan Pantai Klebang. Terima kasih kepada semua yang terlibat menayakan program CSR ini. Semoga hubungan dua hala ini dapat diteruskan di masa-masa akan datang.

PROGRAM GOTONG-ROYONG DUN TELOK MAS



25.2.2023

Program Gotong-Royong DUN Telok Mas anjuran MBMB dengan kerjasama JPKK DUN Telok Mas telah diadakan berhampiran muara sungai Punggor, Telok Mas. Program gotong royong ini turut dijayakan oleh agensi konsesi pembersihan SWCorp, SWM, JPS dan warga kerja MBMB.

Turut hadir YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman Datuk Bandar MBMB diiringi YBhg. Datuk Akramudin bin

Aziz Pengerusi JPKK Alai dan Tn. Hj. Faris bin Mohd Taib, Setiausaha JAPERUN DUN Telok Mas dan wakil penduduk.

Terima kasih kepada semua yang terlibat menayakan program gotong - royong pada pagi ini. Semoga masyarakat setempat terus cakna akan kepentingan menjaga kebersihan di kawasan masing-masing.



AIR TERJUN BUKIT SEBUKOR DAN REPLIKA GONG KINI BERWAJAH BARU

1.5.2023

Pemandangan waktu malam Air Terjun Bukit Sebukor yang dilimpahi dengan cahaya warna-warni lampu hiasan 'LED Tree Light Blue'. Air terjun ini mengambil inspirasi dan bertemakan adaptasi filem fantasi 'Avatar'. Tidak lupa juga replika 'Gong' di persimpangan Bukit Sebukor dan Bukit Beruang dinaiktaraf dengan hiasan lampu neon berkonsepkan 'firefly' beserta arca bunga siantan berwarna oren kemerahan yang merupakan simbolik bunga rasmi MBMB.

Satu lagi tarikan sempena Tahun Melawat Melaka 2024 dan port untuk warga bandaraya ber'OOTD'.

MBMB selangkah ke depan menyambut TMM 2024. Kawasan ini bakal menjadi salah satu lagi tarikan orang ramai untuk ber'OOTD'.



WAWANCARA MHI BERSAMA YBHG. DATUK HJ. SHADAN BIN HJ. OTHMAN, DATUK BANDAR MBMB



23.2.2023

Sekitar Wawancara MHI bersama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB bagi mengetahui hala tuju dan fokus utama MBMB selepas beliau dilantik sebagai Datuk Bandar pada 1 Februari 2023 yang lalu. Hadir sama Tuan Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya MBMB.

Antara fokus utama yang dikongsikan adalah menjadikan Pantai Klebang dan Pantai Puteri sebagai produk pelancongan yang akan dinaiktaraf sempena

persediaan Tahun Melawat Melaka 2024.

YBhg. Datuk turut berkongsi rekayasa perkhidmatan MBMB melalui produk inovasi iaitu i-trafik MBMB yang dapat membantu pengunjung dan warga bandaraya mengetahui keadaan aliran trafik di lokasi yang dikehendaki secara data 'real time' melalui pautan itrafik.mmb.gov.my.

Terima kasih diucapkan kepada kumpulan Media Melaka Hari Ini di atas kunjungan dan wawancara ini.

JELAJAH SKUAD RONDA SEINDAH KASIH

5.4.2023

Media Prima Sdn Bhd telah mengadakan program jelajah "Skuad Ronda Seindah Kasih" bahagian selatan bertempat di Dataran Bandaraya, MBMB.

Program Rondaan tersebut bertujuan mengedarkan barangan set iftar, baucer Tonton, baucer KFC dan juga baju-T bagi mempromosi TV3 dan Panasonic kepada orang ramai. Anggota MBMB turut sama menyertai jelajah Skuad Ronda Seindah Kasih ini.



LINTAS LANGSUNG RANCANGAN SELAMAT PAGI MALAYSIA BERSAMA YBHG. DATUK BANDAR

13.4.2023

Sempena Sambutan 2 dekad MBMB, Unit Berita RTM telah mengadakan lintas langsung Rancangan Selamat Pagi Malaysia temuramah bersama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Dalam temubual tersebut YBhg. Datuk telah menceritakan tentang insentif MBMB kepada warga bandaraya iaitu:

1. Parkir Percuma Hari Bandaraya (14 April 2023 Dan 16 April 2023).
2. Pengecualian Caj Perkhidmatan Cukai Taksiran Penggal 1/2023 Mulai (1 Mac 2023 hingga 31 Ogos 2023).
3. Pengurangan 70 % Bayaran Kompaun

(Mulai 1 April 2023 hingga 30 April 2023).

Semua jenis kompaun yang dikeluarkan KECUALI:

- Kes status DNNA, Saman dan Tindakan Mahkamah.
- Kesalahan kerja tanah tanpa permit.
- Kesalahan yang melibatkan isu sampah dan kekotoran kerja tanah.
- Kesalahan di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 2001.

4. Percuma Proses Tukar Nama Pemilik Harta (Borang 1) Mulai 10 April 2023 Hingga 18 April 2023.

Selain itu, YBhg. Datuk turut menyatakan halatuju MBMB dalam memastikan dasar dan hasrat kerajaan negeri dan pusat seiring dapat dicapai.



SIDANG MEDIA CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN HARTA MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH 2023

28.6.2023

Sidang Media Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Harta Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah 2023 telah diadakan di Auditorium MBMB.

Kenyataan media mengenai cabutan bertuah cukai taksiran pada kali ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Hj. Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana. Turut hadir, Ketua Ahli Majlis MBMB, En.Abd Razak bin Abu, Ahli Majlis MBMB, En. Linesh Khandar a/l Babu, Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta, Tuan Hj. Nasir bin Bakri, Pengarah Kewangan, Tuan Hj. Hisham bin Tambi Ahmad, Ahli-Ahli Majlis, Pegawai-pegawai Kanan dan anggota MBMB.



SUMBANGAN KEPADA 5 ORANG ANAK YATIM DI KAMPUNG DUYONG TENGAH



2.2.2023

Sekitar pemberian sumbangan kepada 5 orang anak yatim lingkungan umur 5 tahun hingga 14 tahun di Kampung Duyong Tengah yang diketuai oleh YBr. Clr. Abd Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB dan wakil urusetia, Jabatan Pengurusan Korporat dan Komuniti MBMB.

Anak-anak ini telah menerima sumbangan pampers dan barangan keperluan harian. Untuk makluman

keluarga ini telah kehilangan ibu dan dibawah penjagaan nenek yang tidak bekerja.

Semoga dengan usaha berterusan membantu golongan yang memerlukan dapat meringankan beban yang ditanggung. MBMB sentiasa cakna dan prihatin dengan kepentingan masyarakat setempat. Sama-sama kita peduli dan ambil tahu dengan perkembangan orang-orang yang terdekat dengan kita.

SIMBOLIK SAMBUTAN HARI KANSER SEDUNIA


4.2.2023

Limpahan cahaya berwarna biru dan jingga di Kota Porta De Santiago, Banda Hilir Melaka serta Air Terjun MBMB Bukit Sebukor yang merupakan simbolik dan solidariti bagi Sambutan Hari Kanser Sedunia yang diraikan setiap tahun pada tanggal 4 Februari.

Ayuh kita beri sokongan dan dorongan kepada mereka yang terkesan dengan kanser dengan tema tahun ini 'Rapatkan Jurang Penjagaan Kanser'.

Jadilah warga bandaraya yang prihatin dengan secara berterusan memberi semangat dan sokongan kepada semua pesakit kanser.

Selamat Hari Kanser Sedunia!



PROGRAM CAHAYA KASIH SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA

8.1.2023

Program Cahaya Kasih anjuran MBMB dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Bahagia (Happy Charity Association) yang diketuai oleh YBr. Clr. Abd. Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB dan YBhg. Clr. Datuk Lwee Wan Tiong, Ahli Majlis MBMB (NGO) telah diadakan bagi mendekati golongan yang memerlukan di dalam kawasan pentadbiran MBMB khususnya kaum Tiong Hua yang akan menyambut Tahun Baharu Cina. Turut hadir sama adalah Ahli Majlis Kawasan serta Pengarah Pengurusan Korporat dan Komuniti, Puan Norfadzlina binti Mohammad Sharif.

Sebanyak lima (5) buah Rumah Orang-orang Tua dan kanak-kanak istimewa telah terpilih untuk menerima barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, bihun, limau mandarin, t-shirt serta sumbangan tunai RM

2,000.00 yang merupakan sumbangan daripada MBMB dan pihak persatuan.

Antara rumah yang menerima sumbangan adalah :

1. Rumah Sejahtera Bukit Baru (Dun Bukit Katil)
2. Pusat Jagaan Kanak-Kanak Terencat Akal Melaka, Bukit Baru (Dun Bukit Katil)
3. Rumah Seri Kenangan Cheng (Dun Paya Rumput)
4. Pusat Jagaan Kanak-Kanak Terencat Akal Bahagia Klebang (Dun Klebang) dan
5. Pusat Jagaan Kanak-Kanak Terencat Akal Kasih Sayang Bachang (Dun Pengkalan Batu)

Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak dapat menceriakan semua penghuni yang akan meraikan Sambutan Tahun Baharu Cina 2023!



PROGRAM 'JOM SIHAT' DENGAN KERJASAMA JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA

15.2.2023

Program 'Jom Sihat' dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka diadakan bertujuan mengadakan saringan kesihatan dan menggalakkan pemeriksaan kesihatan melibatkan keseluruhan anggota Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah terutamanya yang berusia 40 tahun dan keatas. Hadir sama menyerikan program, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB diiringi Ahli-ahli Majlis MBMB, YBrs. Tuan Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya dan Pn. Hjh. Siti Fariza binti Salim, Pengarah Pengurusan dan Sumber Manusia MBMB yang

turut sama membuat saringan kesihatan.

Seramai 570 orang anggota telah hadir membuat pemeriksaan kesihatan melibatkan pemeriksaan tekanan darah, gula dalam darah, berat ideal serta rawatan gigi.

Pengurusan tertinggi MBMB ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Norma binti Sabtu Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Dr. Liana Azlyn binti Azmi dan Dr. Nur Syazmin binti Sies Pegawai Perubatan, Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (NCDC) Jabatan Kesihatan Negeri Melaka diatas kerjasama yang sangat baik sepanjang program berlangsung



dan berharap program-program seumpama ini dapat diteruskan di masa-masa akan datang.

PROGRAM SANTUNI KASIH PESARA MBMB



15.4.2023

Menjelang sambutan aidilfitri, MBMB telah menyantuni pesara MBMB yang diketuai oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman Datuk Bandar MBMB diiringi oleh YBrs Tuan Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya.

Turut hadir Puan Hjh Siti Fariza binti Salim, Pengarah Pengurusan dan sumber Manusia, Ketua-ketua Jabatan,

Pegawai-pegawai kanan dan anggota-anggota MBMB.

YBhg Datuk telah menyampaikan sumbangan berupa wang tunai dan cendemata kepada Pesara MBMB. Semoga dengan sumbangan ini serba sedikit dapat menceriakan semua pesara yang akan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

PROGRAM PENYERAHAN SUMBANGAN TUNAI KEPADA PUAN FASIAH BINTI ZAMRAN

20.2.2023

Program Penyerahan Sumbangan Tunai kepada Puan Fasiah binti Zamran, seorang ibu tunggal yang telah terlibat dengan kemalangan jalan raya dan hilang upaya kekal di Kampung Belian Bukit Rambai. Atas keprihatinan, YB Puan Tuminah binti Kadi @ Mohd Hashim, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor diiringi YBhg. Datuk Hj. Shadan Bin Hj. Othman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah ke kediaman beliau bagi menghulurkan bantuan.

Pada program tersebut, YB Puan Tuminah telah menyampaikan sumbangan televisyen bersaiz 32 inci untuk penyelesaian anak-anak Puan Fasiah yang berusia 10 hingga 12 tahun. YBhg. Datuk Bandar turut mengambil peluang beramah mesra bersama waris keluarga dan menyampaikan sumbangan tunai sebanyak RM 3,000 bagi meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga beliau.



ZIARAH KASIH YBHG DATUK BANDAR MBMB


22.2.2023

Atas dasar kecaaknaan & keprihatinan YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB telah menziarahi anggota MBMB yang sakit akibat kemalangan jalan raya, kanser, & lain-lain penyakit, sama ada di hospital mahupun di rumah anggota.

Dengan adanya inisiatif ini hubungan antara pihak atasan dengan anggota bawahan dapat diertatkan

disamping meringankan beban atau kesakitan yang ditanggung oleh anggota-anggota MBMB.

Hadir sama adalah YBrs Tuan Azahar bin Mohamed, Setiausaha Bandaraya & Pegawai Kanan MBMB. Semoga warga kerja MBMB sentiasa dilindungi terutama ketika menjalankan tugas & diberikan kesembuhan bagi mereka yang sedang diuji dengan masalah kesihatan.



SUMBANGAN KATIL LARAS KEPADA ISTERI ANGGOTA YANG MENGHIDAP KANSER

4.3.2023

Isteri anggota MBMB iaitu Encik Johar bin Kamis Pengawal Keselamatan dari Jabatan Penguatkuasaan MBMB telah menghidap kanser dan memerlukan rawatan rapi. Bagi tujuan itu, MBMB telah memberi sumbangan berbentuk katil laras bagi memudahkan pergerakan beliau.

Penyerahan katil telah disempurnakan oleh YBhg.

Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman Datuk Bandar MBMB diiringi YBrs. Tuan Azahar bin Hj. Mohamed Setiausaha Bandaraya, Encik Irwan bin Samad Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan anggota MBMB.

Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak dapat mempermudah urusan isteri beliau dan didoakan agar segera sembuh seperti sediakala.



MAJLIS PENYERAHAN CENDERAHATI HARI LAHIR KEPADA KETUA-KETUA JABATAN DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN MBMB

14.4.2023

Sebagai tanda ingatan buat ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan MBMB, satu Majlis Penyerahan Cenderahati Hari Lahir Kepada Ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan MBMB telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB diiringi YBrs. Tuan Azahar bin Hj. Mohamed Setiausaha Bandaraya di Lobi Pejabat Datuk Bandar.

Seramai 7 orang Ketua Jabatan dan 14 orang Pegawai Kanan telah menerima cenderahati dari YBhg. Datuk Bandar mulai bulan Januari hingga April 2023. Diucapkan Selamat Hari Lahir kepada semua serta semoga dipanjangkan umur dan diberikan kesihatan berpanjangan.



MISI BANTUAN PASCA BANJIR KERAJAAN NEGERI MELAKA KE NEGERI JOHOR

19.3.2023

Majlis Perasmian Misi Bantuan Pasca Banjir Kerajaan Negeri Melaka ke Negeri Johor telah disempurnakan oleh YB Datuk Hj. Zaidi bin Hj. Attan, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka mewakili YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Hj. Sulaiman bin Md. Ali, Ketua Menteri Melaka bertempat di Dataran Bandaraya MBMB.

Misi Pasca Bantuan Banjir di Yong Peng ini diketuai oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan lebih 200 anggota empat PBT Negeri Melaka, berjaya menyantuni penduduk Kampung Parit Awang, Yong Peng, Johor. Terima kasih kepada MBMB, MPAG, MPJ dan MPHTJ yang telah menyumbang kit makanan kering, peralatan membersih rumah dan bahan pencil serta turut membersihkan rumah-rumah yang teruk dipenuhi lumpur dan selut semasa kejadian banjir baru-baru ini.

Pasukan Misi Pasca Banjir turut sama disertai oleh YB Datuk Rahmad Mariman EXCO Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam, Pengurusan Banjir dan Infrastruktur Negeri Melaka, Datuk Gary Choo Kok Sen, Ketua Pegawai Operasi Mamee-Double Decker (M) Berhad, Tuan Azhar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai Kanan MBMB anggota Jabatan Ketua Menteri Melaka anggota PBT-PBT Negeri Melaka serta pelajar-pelajar Universiti Multimedia Melaka (MMU).

Pada hari ke dua, pasukan bantuan banjir ini turut mengagihkan bantuan makanan sumbangan PBT, Mamee dan MMU di beberapa Pusat Permindahan Sementara iaitu di SMK Dato Seth, SK Seri Kota, SRK (C) Yong Peng dan Dewan Orang Ramai Yong Peng, yang mempunyai lebih 600 orang mangsa yang terjejas.

Pada Masa yang sama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman serta YBrs Tuan Khairuladha bin Ab Mutalib Pengarah SWCorp Negeri Melaka turut menyumbangkan peralatan kelengkapan diri seperti tilam, toto dan pempers kepada yang memerlukan.

Penduduk juga terharu kerana Datuk Bandar MBMB turut menyingsing lengan membersihkan rumah



penduduk yang terlibat.

Pasukan pembersihan dari MBMB yang terdiri daripada 28 anggota dan 6 buah kenderaan pelbagai jenis membuat pembersihan di rumah-rumah mangsa banjir, termasuk sekolah rendah dan dewan orang ramai.

Pasukan ini turut mengedarkan kit bantuan makanan kering dan peralatan pembersihan rumah di 250 buah rumah terlibat dengan kerjasama pihak Majlis Daerah Yong Peng.

Bantuan juga diberikan kepada Pengurusan Masjid Besar Daerah Yong Peng berupa kit makanan kering untuk diedarkan kepada mangsa yang memerlukan melalui program Masjid Gerobok Rezeki.

Semoga dengan sumbangan tenaga dan bantuan keperluan asas yang dihulurkan oleh pasukan Misi Pasca Banjir MBMB dapat meringankan beban mangsa-mangsa banjir yang terlibat.



PERASMIAN PENUTUP KURSUS PENGURUSAN TATATERTIB PEGAWAI MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

19.2.2023

Sekitar Perasmian Penutup Kursus Pengurusan Tatatertib Pegawai Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah yang telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya MBMB. Untuk makluman kursus kali ini melibatkan kehadiran seramai 52 orang anggota terdiri daripada kumpulan pelaksana yang berlangsung pada 17-19 Februari 2023 di The Grand Beach Resort, Port Dickson.

Kursus ini didedahkan kepada kumpulan pelaksana adalah bagi menjelaskan Tatakelakuan dan Larangan dalam Perkhidmatan Awam dengan sempurna berdasarkan Kaedah - Kaedah Pegawai Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (Kelakuan & Tatatertib) 2008.



BENGGEL KAWALAN KOS DALAM KERJA KONSERVASI BANGUNAN WARISAN SIRI 2/2023

15.3.2023

Bengkel Kawalan Kos Dalam Kerja Konservasi Bangunan Warisan Siri 2/2023 yang telah dirasmikan oleh YBrs. Clr. Abd. Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB mewakili YBhg. Datuk Bandar MBMB. Turut hadir Tuan Ts. Hj. Kamarudin bin Md. Said, JWN Conservator, Anjung Teknik Heritage Conservation Services dan Tuan Haji Anuar bin Dolmat; Pengarah Kawalan Bangunan, MBMB.

Seramai 60 orang peserta terdiri daripada anggota MBMB, agensi-agensi kerajaan, kontraktor, arkitek, pelukis pelan, pelajar serta individu perseorangan yang telah hadir ke bengkel tersebut.

Empat orang penceramah yang dijemput bagi memberi taklimat adalah:

1. Sr. Saravanan Subramaniam
(Managing Director, SG Contract Services Sdn.Bhd.)

2. Sr. Dr. Umi Kalsum binti Zulkafli @ Zulkifly
(Department of Quantity Surveying Faculty of Built Environment, Universiti Malaya)

3. Sr. Ts. Mohamad Razif bin Mohamad Nor
(Juruukur Bahan, Cawangan Pembangunan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Warisan Negara)

4. Tuan Ts. Hj. Kamarudin bin Md. Said,
(JWN Conservator, Anjung Teknik Heritage Conservation Services)

Semoga bengkel ini dapat dimanfaatkan oleh semua profesion yang berkepentingan agar aset warisan ini berkekalan untuk kita wariskan kepada generasi akan datang sebagaimana kita menerimanya dari masyarakat terdahulu.



KURSUS PEMBANGUNAN KERJA BERPASUKAN UNTUK ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH



17.3.2023

Majlis perasmian penutup kursus Pembangunan Kerja Berpasukan untuk anggota Kumpulan Pelaksana Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah yang telah diadakan di Port Dickson, Negeri Sembilan telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Azahar bin Hj. Mohamed, Setiausaha Bandaraya MBMB diiringi Tuan Adzlin bin Anuar, Ketua Unit Undang-Undang MBMB.

Seramai 37 orang anggota daripada gred sokongan 2 telah menyertai kursus ini.

Diharap kursus ini dapat memacu produktiviti dan komitmen anggota MBMB bagi mencapai hala tuju serta objektif yang disasarkan oleh MBMB dan semua anggota dapat menjayakan aspirasi MBMB khususnya negeri Melaka amnya.

TAHNIAH MBMB WARRIORS

26.1.2023

Tahniah MBMB Warriors mengalahkan Pasukan Tampoi FC 2-1 sekaligus muncul sebagai Juara Liga Bola Sepak Governor Cup Melaka 2022

Sekitar Majlis Penyampaian Hadiah yang telah disempurnakan oleh Tun Seri Setia Hj. (Dr.) Mohd Ali bin

Hj. Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka diiringi YAB Datuk Seri Utama Hj. Sulaiman bin Md. Ali, Ketua Menteri Melaka serta YB Tuan VP Shanmugam a/l V. Pitchay, Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).



MAJLIS PELEPASAN DAN AKSI KONTINJEN PASUKAN MBMB BAGI KEJOHANAN SUKAN MALA

26.1.2023

Sekitar pelepasan kontinjen pasukan MBMB bagi Kejuhanan Badminton, Boling, Futsal, Karom, Bola Jaring dan Sepak Takraw Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) 2022 yang telah disempurnakan oleh YBrs. Tn. Ts Hj. Noramirul Nizam bin Kamis, Setiausaha Bandaraya merangkap Presiden Kelab Sukan dan Kebajikan MBMB (KESUMA) diiringi Clr. Mawa binti Baba, Ahli Majlis MBMB. Kejuhanan ini akan berlangsung

selama 4 hari mulai 26-29 Januari 2023. Kontinjen diketuai Saudara Ts. Safuan Effendy Mat Ghani, Timbalan Presiden KESUMA.

MBMB melalui KESUMA telah merekrut pasukan bagi keenam-enam kejuhanan melibatkan 88 anggota MBMB, iaitu badminton, boling, karom, futsal, bola jaring, sepak takraw. Tahniah dan syabas buat pasukan MBMB.



CERAMAH PERDANA OLEH AL-FADHIL USTAZ ABDULLAH KAHIRI

17.4.2023

Program Ceramah Perdana MBMB telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Hj. Abdullah Khairi bin Hj. Harun bertajuk "Ramadan Berpahala atau Ramadan Berbelanja" yang diadakan di Dewan Taming Sari MBMB.

Turut Hadir YB Tuan Hj. Zulkifli bin Mohd Zin Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana, diiringi YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Ahli-ahli Majlis MBMB, YBrs Tuan Azahar bin Hj. Mohamed Setiausaha Bandaraya, Ketua-ketua Jabatan dan anggota-anggota MBMB.



CERAMAH AGAMA BULANAN MBMB

MBMB melalui kelas agama dan motivasi MBMB sentiasa menganjurkan ceramah agama bulanan bagi tujuan santapan rohani buat seluruh warga kerja MBMB bagi mengimbangi tuntutan dunia dan akhirat.



Penceramah : Ustaz Mohd Zawawy bin Zainal Khan
Tajuk : "Meneladani Keagungan Israk & Mikraj"
Tarikh : 23.2.2023
Masa : 8.45 pg
Tempat : Dewan Taming Sari, MBMB



Penceramah : Al Fadhil Ustaz Muhammad Rauf bin Minhat
Tajuk : Fiqh Puasa & Wanita
Tarikh : 31 mac 2023
Tempat : Dewan Taming Sari, MBMB



Penceramah : En. Mohd Fadli bin Ahmad
Tajuk : Muzakarah Ilmu
Tarikh : 24 Mac 2023
Tempat : Dewan Taming Sari, MBMB

PROGRAM SOLAT DHUHA

22.5.2023

Bagi memohon keberkatan sebelum melaksanakan tugas harian, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Othman melalui Kelas Agama MBMB telah menganjurkan solat Dhuha secara berjemaah pada setiap hari isnin mulai jam 8.00 pagi, bertempat di surau MBMB. Tazkirah ringkas juga akan disampaikan oleh Ketua jabatan atau ketua unit secara bergilir.

Semoga seluruh warga bandaraya Melaka Bersejarah sentiasa diberikan kesihatan dan kesejahteraan.



SEKALUNG BUDI

PERSARAAN ANGGOTA

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada para pesara wajib dan telah tamat tempoh kontrak perkhidmatan di MBMB. Jasa dan bakti anda semua tidak akan dilupakan demi membangunkan MBMB kearah bandaraya Makmur dan berdaya saing. Selamat bersara dan didoakan semoga berada dalam keadaan yang baik untuk hari-hari yang mendatang.



Nama : Encik Amir bin Abdul Karim
Jawatan : Pembantu Awam (H11)
Jabatan : Kesihatan Persekutuan MBMB
Tempoh berkhidmat : 23 tahun 5 bulan
Tarikh bersara: 5 Februari 2023



Nama : Tuan Hj. Abdul Halim bin Mat
Jawatan : Penolong Jurutera Gred JA29
Jabatan : Kejuruteraan
Tempoh berkhidmat : 27 tahun 9 bulan
Tarikh bersara : 31 Januari 2023



Nama : Encik S. James a/l Savalian
Jawatan : Pembantu Awam H11
Jabatan : Jabatan Lanskap dan
Pengindahan Bandaraya
Tempoh berkhidmat : 10 tahun 10 bulan



Nama : Encik Mohd Jais bin Dasiron
Jawatan : Pemandu Kenderaan (H11)
Jabatan : Pengurusan
dan Sumber Manusia
Tempoh berkhidmat : 20 Tahun



Nama : Encik Abdul Ghani bin Karim
Jawatan : Pembantu Awam H11
Jabatan : Jabatan Lanskap dan
Pengindahan Bandaraya
Tempoh berkhidmat : 23 tahun 8 bulan



Nama : Puan Juriah binti Abdul Latiff
Jawatan : Pembantu Awam H11
Jabatan : Jabatan Lanskap dan
Pengindahan Bandaraya
Tempoh berkhidmat : 9 tahun 6 bulan



Nama : Encik Abdul Rahman Sithiravel bin
Abdullah
Jawatan : Pembantu Awam H11
Jabatan : Jabatan Lanskap dan
Pengindahan Bandaraya





ULANG TAHUN

Bandaraya Melaka Bersejarah



DEKAD GEMILANG BERSAMA WARGA BANDARAYA

Graha Makmur, No. 1 Jalan Tun Abdul Razak, Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka, Malaysia.

TALIAN AM : 06-285 9700 FAKS : 06-232 5716 Laman Web : www.mmb.gov.my